

Sultan Pahang lancar Pekan Fest

Pelbagai program dijalankan untuk perkenal destinasi pelancongan ke seluruh dunia

Oleh Ahmad Ghazali Musa

PEKAN: Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah malam tadi menyempurnakan perasmian Pekan Fest 2007 Pahang, di sini, dalam suasana penuh warna warni dengan dihadiri lebih 30,000 pengunjung terdiri daripada pemimpin, penduduk setempat mahu pun dari luar daerah ini.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yakob; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Perasmian majlis gilang gemilang itu turut diserikan dengan persembahan bunga api dan persembahan konsert artis tempatan seperti Datuk Siti Nurhaliza, Datuk Yusni Hamid, Khatijah Ibrahim dan Ramli Sarip.

Pekan Fest 2007 berlangsung dari 30 Mei hingga 3 Jun diisi dengan pelbagai program antaranya pendidikan, Ekspo Kerjaya Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Ekspedisi Berakit Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S), Karnival Kerjaya, Program Khas

Akademik dan Forum Perdana.

Sementara itu, Najib ketika berucap pada majlis itu berkata, penganjuran Pekan Fest 2007 sempena sambutan kemerdekaan negara ke-50 dan Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM07) diharapkan dapat memperkenalkan daerah Pekan sebagai sebuah destinasi pelancongan ke seluruh dunia.

Beliau berkata, sepanjang 30 tahun lalu Pekan yang dulunya lebih dikenali sebagai sebuah pekan kecil dengan ekonomi berasaskan pertanian tradisional, kini mengalami pembangunan pesat dengan pertumbuhan kawasan perumahan, kilang termasuk kilang pengeluaran Mercedes Benz dan jalan raya yang lebih besar.

"Kesemua kemajuan ini amat besar dan bermakna yang dilalui sejak 30 tahun lalu. Justeru, sudah sampai masanya, kita meletakkan Pekan sebagai sebuah destinasi yang tersohor di persada antarabangsa yang memiliki pelbagai prasarana yang boleh dibanggakan," katanya.

Pekan, katanya, terus melalui proses kemajuan dengan beberapa prasarana sedang dibangunkan termasuk sebuah hospital baru yang akan dibuka tidak lama lagi, lebuh raya dua hala dan pembangunan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mem-



ACARA GEMILANG: Sultan Pahang memasukkan plak sebagai tanda perasmian Pekan Fest sambil diperhatikan Najib, Adnan dan Tengku Adnan, di Pekan, malam tadi.

babitkan perbelanjaan RM161 juta yang sudah pun diluluskan.

Katanya, jika dilihat dari sudut tradisional, Pekan memiliki keistimewaan tersendiri termasuk Tasik Chini, Muzium Diraja, perusahaan

kain tenun, hutan paya bakau, pantai yang memutih dan indah masih belum diteroka dan dimajukan untuk industri pelancongan.

"Semua keistimewaan dan keunikan yang ada di Pekan, kita harap

dapat diketengahkan menerusi Pekan Fest 2007 supaya orang luar termasuk di kalangan pelancong tempatan dan asing melihat dan merasakan sendiri pengalaman mereka berada di sini," katanya.